

NOTIS DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

SEKSYEN 1

PERKARA UMUM DAN SKOP PEMAKAIAN

- 1.1 Kumpulan APM (seperti yang dinyatakan dalam Lampiran 1) komited untuk melindungi data peribadi semua individu yang berurusan dengan kami, selaras dengan pematuhan yang sepenuhnya terhadap Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA").
- 1.2 Notis di bawah PDPA ("Notis") ini terpakai kepada semua pihak kami di Malaysia dan menyatakan amalan serta pendekatan kami dalam pengumpulan, penggunaan, penyimpanan dan pemprosesan data peribadi, seperti yang ditakrifkan di bawah PDPA.
- 1.3 Notis ini, bersama dengan piawaian perlindungan data yang dinyatakan di sini, terpakai kepada anak syarikat luar negara kami (yang disenaraikan dalam Lampiran 1) (secara kolektif, "Syarikat Kumpulan Luar Negara") apabila mereka memproses Data Peribadi anda bagi pihak kami atau untuk tujuan yang dijelaskan dalam Notis ini.
- 1.4 Namun demikian, pemakaian Notis ini terhadap mana-mana Syarikat Kumpulan Luar Negara adalah setakat di mana tiada percanggahan dengan undang-undang perlindungan data yang wajib dipatuhi di tempat Syarikat Kumpulan Luar Negara tersebut ditubuhkan dan beroperasi ("Undang-undang Tempatan"). Sekiranya berlaku sebarang percanggahan, pematuhan Undang-Undang Tempatan akan diutamakan setakat minimum yang perlu bagi memastikan Syarikat Kumpulan Luar Negara tersebut mematuhi Undang-Undang Tempatan berkenaan.
- 1.5 Sekiranya Syarikat Kumpulan Luar Negara mempunyai notis atau polisi privasi data peribadi masing-masing ("Notis Tempatan"), Notis Tempatan tersebut akan terpakai dalam mengawal pemprosesan data peribadi yang berada di bawah kawalannya. Komitmen kami terhadap Notis Tempatan tersebut adalah bahawa ianya akan mematuhi piawaian yang selaras dengan prinsip-prinsip Notis ini, tertakluk kepada pematuhan Undang-Undang Tempatan.
- 1.6 Kami mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dalam memastikan bahawa Syarikat Kumpulan Luar Negara kami menghormati dan melindungi data peribadi anda dengan cara yang selaras dengan prinsip-prinsip PDPA dan Notis ini, tertakluk kepada had-had yang dinyatakan dalam Seksyen-Seksyen 1.4 dan 1.5 di atas.

SEKSYEN 2

PRINSIP - PRINSIP

- 2.1. Seriring dengan amalan dan pendekatan kami yang berlandaskan prinsip-prinsip yang ditetapkan dalam PDPA, pengendalian data peribadi kami juga berpandukan komitmen-komitmen berikut:

- (i) Kami menggunakan data peribadi anda untuk membekalkan barangan, perkhidmatan dan produk serta perkhidmatan transaksi tambahan kepada anda.
- (ii) Kami berhasrat untuk sentiasa meningkatkan komunikasi kami dengan anda, dan juga produk serta perkhidmatan kami di mana kami akan menggunakan data peribadi anda untuk membantu kami mencapai matlamat ini.
- (iii) Kami memberikan anda kawalan tertentu terhadap data peribadi anda yang kami simpan termasuk siapa yang dibenarkan untuk melihatnya dan bagaimana ianya digunakan.
- (iv) Kami tidak akan menggunakan data peribadi anda untuk menghubungi anda bagi tujuan pemasaran langsung tanpa kebenaran anda.
- (v) Kami akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menjaga keselamatan data peribadi anda melalui polisi keselamatan dan proses urusan yang selamat.

SEKSYEN 3

AMALAN PENGUMPULAN

3.1. Jenis dan kategori data peribadi yang mungkin kami kumpul daripada anda termasuk, tetapi tidak terhad kepada berikut:

- (i) Maklumat Pengenalan: Nama penuh anda, nombor kad pengenalan atau paspot, tarikh lahir, kewarganegaraan, jantina dan butiran-butiran yang berkenaan dengan waris terdekat atau orang untuk dihubungi semasa kecemasan;
- (ii) Maklumat Perhubungan: Alamat kediaman, alamat surat-menyurat, alamat perniagaan, dan alamat bil, nombor telefon, alamat emel anda serta maklumat perhubungan lain yang anda berikan;
- (iii) Maklumat Kewangan: Nombor akaun bank atau akaun lain anda, butiran kad kredit/debit (termasuk nama pemegang kad, nombor kad, alamat bil, dan tarikh luput), serta penyata akaun untuk tujuan pemprosesan transaksi;
- (iv) Maklumat Percukaian: Nombor pengenalan cukai anda bagi tujuan pematuhan peraturan, termasuk keperluan e-invois;
- (v) Data Biometrik: Data biometrik anda, seperti cap jari atau imbasan pengecaman wajah, bagi tujuan pengesahan identiti, akses keselamatan, dan pengesahan pengguna;
- (vi) Data Transaksi: Butiran berhubung urusan anda dengan kami, termasuk maklumat mengenai sebarang penghantar, penerima, dan individu berkaitan yang disediakan oleh entiti korporat berkaitan dengan kontrak;

- (vii) Rekod Komunikasi: Rakaman audio atau visual, panggilan telefon atau mesyuarat yang berkenaan dan dilaksanakan selaras dengan undang-undang;
- (viii) Rakaman CCTV: Rakaman Kamera Litar Tertutup atau CCTV anda apabila anda mengakses premis kami atau berurusan dengan pegawai dan kakitangan kami;
- (ix) Imej Acara: Gambar dan video yang melibatkan anda yang dirakam semasa acara, majlis, atau aktiviti pemasaran;
- (x) Maklumat Sukarela: Sebarang data peribadi tambahan yang anda pilih untuk kemukakan kepada kami semasa berinteraksi atau berurusan dengan kami.
- (xi) Kategori Khas untuk Pemohon Pekerjaan dan Pekerja - Bagi pemohon pekerjaan dan pekerja, data peribadi yang dikumpul termasuk, tetapi tidak terhad kepada:
 - Butiran Pekerjaan: Kelayakan profesional, sejarah kerjaya, maklumat pendapatan, dan profil media sosial (contoh: LinkedIn) yang berkaitan dengan permohonan perkerjaan atau kerjaya;
 - Maklumat Perundangan/Statutori: Nombor Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), pengenalan cukai bagi potongan dan pelaporan yang diwajibkan oleh undang-undang;
 - Maklumat Tanggungan: Data peribadi berkaitan pasangan, tanggungan, dan waris terdekat anda untuk pengurusan manfaat dan maklumat kecemasan.
 - Data Peribadi Sensitif: Apabila diwajibkan oleh undang-undang atau diperlukan bagi tujuan tertentu (contohnya, faedah pekerjaan), kami boleh memproses data sensitif seperti asal usul kaum atau etnik, kepercayaan agama, atau maklumat kesihatan, dengan kebenaran anda.
- (xii) Data Peribadi Sensitif (Bukan Pekerja): Secara amnya, kami tidak mengumpul data peribadi sensitif daripada bukan pekerja kecuali dalam keadaan luar biasa di mana pengumpulan tersebut diperlukan untuk memenuhi obligasi undang-undang tertentu atau untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada anda. Data ini hanya akan diproses dengan kebenaran anda atau berdasarkan peruntukan undang-undang.

SEKSYEN 4

CARA PENGUMPULAN

- 4.1. Secara Langsung daripada anda - Kami mengumpul data peribadi yang anda berikan secara sukarela apabila anda berinteraksi dengan kami. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, maklumat yang diberikan apabila anda:

- (i) Membuat pertanyaan, permintaan, pembelian, akses, atau menggunakan sebarang produk atau perkhidmatan kami.
 - (ii) Berkomunikasi dengan kami melalui mana-mana saluran (contohnya, telefon, emel, bersemuka).
 - (iii) Memasuki sesuatu transaksi, perjanjian, perbincangan, atau kontrak dengan kami.
 - (iv) Melengkapkan dan menghantar borang, sama ada fizikal atau digital kepada kami.
 - (v) Mengambil bahagian dalam tinjauan pelanggan, pertandingan, atau promosi kami.
 - (vi) Melawat premis kami.
 - (vii) Berinteraksi dengan kami, mengemukakan pertanyaan atau maklum balas.
- 4.2. Secara Automatik melalui platform digital kami – Apabila anda menggunakan laman web atau aplikasi kami, kami mungkin mengumpul maklumat teknikal secara automatik untuk meningkatkan pengalaman anda dan tujuan analitik. Data ini mungkin termasuk:
- (i) Maklumat peranti anda (contohnya, jenis pelayar, sistem operasi, alamat IP).
 - (ii) Corak penggunaan anda (contohnya, halaman yang dilawati, pautan yang diklik, carian yang dibuat, masa yang dihabiskan di laman).
 - (iii) Corak tingkah laku anda (contohnya, jenis barangan dan perkhidmatan yang dicari atau dilihat).
- 4.3. Daripada pihak ketiga – Kami mungkin memperoleh data peribadi tentang anda daripada sumber pihak ketiga, seperti:
- (i) Agensi rujukan kredit atau pencegahan penipuan (di mana dibenarkan oleh undang-undang dan diperlukan untuk sesuatu transaksi).
 - (ii) Penyedia perkhidmatan pembayaran untuk mengesahkan pembayaran anda.
- 4.4. Entiti Korporat – Sekiranya anda mempunyai kaitan dengan entiti korporat (contohnya, sebagai pekerja, pengarah, atau wakil) yang sedang atau bercadang untuk menjalankan urusan dengan kami, kami mungkin menerima data peribadi anda daripada entiti tersebut. Dalam keadaan ini, entiti korporat tersebut bertanggungjawab untuk memastikan mempunyai alasan sah berlandaskan undang-undang, termasuk mendapatkan sebarang persetujuan yang diperlukan, sebelum mendedahkan data peribadi anda kepada kami.

SEKSYEN 5 TUJUAN PENGUMPULAN

- 5.1. Kami memproses data peribadi anda bagi tujuan yang khusus, jelas, dan sah selaras dengan PDPA serta undang-undang lain yang berkuatkuasa. Tujuan-tujuan utama termasuk, tetapi tidak terhad kepada berikut:
- (i) Pembekalan Perkhidmatan & Pemprosesan Transaksi: Untuk membekalkan, menguruskan, dan mengendalikan produk serta perkhidmatan yang anda minta daripada kami. Data khusus yang diperlukan bergantung kepada jenis transaksi.
 - (ii) Pengesahan Identiti & Keselamatan: Untuk mengesahkan identiti anda, bagi membantu pencegahan penipuan dan akses tanpa kebenaran ke akaun anda serta sistem-sistem kami.
 - (iii) Pengurusan Hubungan: Untuk menyesuaikan pengalaman anda, mempertingkatkan komunikasi kami dengan anda, dan memenuhi keperluan anda dengan lebih baik berdasarkan interaksi dan pilihan yang anda nyatakan.
 - (iv) Komunikasi Pemasaran (dengan kebenaran): Untuk menghantar maklumat mengenai produk-produk, perkhidmatan-perkhidmatan, dan promosi-promosi yang ditawarkan oleh kami atau rakan kongsi dipercayai kami yang kami percaya mungkin menarik minat anda. Sila rujuk Seksyen 6 untuk maklumat berkaitan perkongsian data dan Seksyen 8 untuk hak anda penolakan atau penarikan diri terhadap pemasaran.
 - (v) Penyelidikan & Pembangunan: Untuk menjalankan kajian pasaran, analisis, dan menghasilkan laporan dalaman bagi membantu kami memperbaiki dan merangka produk-produk serta perkhidmatan-perkhidmatan kami.
 - (vi) Pematuhan Undang-undang & Peraturan/Regulasi: Untuk mematuhi obligasi undang-undang dan peraturan/regulasi, serta untuk menguatkuasakan hak undang-undang kami atau menuntut bayaran hutang tertunggak.
 - (vii) Keselamatan Fizikal & Digital: Untuk memastikan keselamatan premis kami (contohnya, melalui CCTV) dan platform digital kami (contohnya, melalui pemantauan aktiviti).
 - (viii) Pemantauan & Pemuatan Keselamatan Operasi: Bagi memastikan persekitaran kerja yang selamat dan pemuatan regulasi serta polisi melalui proses automasi operasi (contohnya, pemeriksaan keselamatan, pemantauan aktiviti operasi dan sebagainya).
- 5.2. Pembekalan data peribadi anda umumnya adalah secara sukarela. Walau demikian, harap maklum bahawa keupayaan kami untuk menawarkan produk, perkhidmatan, atau akses penuh

terhadap fasiliti/kemudahan kami mungkin terjejas sekiranya anda memilih untuk tidak berkongsi atau memberikan data peribadi anda.

SEKSYEN 6

PERKONGSIAN, PEMINDAHAN, AND PENYIMPANAN

- 6.1. Perkongsian Data Peribadi – Data peribadi anda mungkin dikongsi dan digunakan oleh salah satu atau kesemua pihak kami, bergantung pada konteks anda memberikan data tersebut dan tujuan penggunaannya. Sila rujuk Seksyen 5 untuk contoh-contoh konteks dan tujuan berkaitan.
- 6.2. Penyimpanan Data Peribadi – Data peribadi anda akan disimpan dan diproses terutamanya di dalam Malaysia.
- 6.3. Pemindahan Data Peribadi ke Luar Malaysia – Kami berkemungkinan akan memindahkan sebahagian atau keseluruhan data peribadi anda ke lokasi di luar Malaysia, jika perlu (contohnya, penyimpanan awan pada pelayan luar negara atau pemprosesan oleh penyedia perkhidmatan serantau), berdasarkan konteks pemberian data dan tujuan penggunaannya. Sila rujuk Seksyen 5 untuk contoh-contoh konteks dan tujuan yang berkaitan.

Sekiranya berlaku pemindahan sedemikian, kami akan mengambil langkah-langkah yang wajar dan praktikal untuk memastikan data peribadi anda dilindungi pada tahap keselamatan yang setara dengan peruntukan di bawah PDPA. Langkah-langkah ini mungkin termasuk:

- (i) Pemindahan data hanya ke bidang kuasa yang diiktirafkan mempunyai tahap perlindungan data yang mencukupi oleh pihak berkuasa Malaysia yang relevan; atau
- (ii) Pemeteraan perjanjian sah dengan penerima luar negara yang mewajibkan penetapan piawaian perlindungan data yang selaras dengan PDPA.

SEKSYEN 7

PENYIMPANAN

- 7.1. Penyimpanan Data Peribadi – Kami tidak akan menyimpan data peribadi anda lebih lama daripada yang diperlukan untuk memenuhi tujuan pengumpulannya, seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 5, atau seperti yang diperuntukan oleh undang-undang yang berkuatkuasa.
- 7.2. Secara khususnya, kami mematuhi garis panduan yang merangkumi perkara berikut:
 - (i) Tujuan Kontrak dan Perkhidmatan: Kami akan menyimpan data anda sepanjang tempoh hubungan perniagaan dan untuk suatu tempoh yang munasabah selepas itu bagi memenuhi obligasi-obligasi kontrak serta menangani sebarang pertanyaan pasca perkhidmatan.

- (ii) Tujuan Pemasaran: Sekiranya anda memberi kebenaran untuk komunikasi pemasaran, kami akan menyimpan data peribadi yang berkaitan sehingga anda menarik balik persetujuan tersebut (opt-out). Anda boleh menarik balik pada bila-bila masa dengan mengikuti arahan dalam komunikasi kami atau menghubungi kami seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 8.
 - (iii) Pematuhan Undang-undang dan Peraturan/Regulasi: Kami akan menyimpan data selama tempoh yang diperlukan untuk mematuhi segala obligasi undang-undang atau peraturan/regulasi yang berkuat kuasa. Contohnya, rekod kewangan dan transaksi akan disimpan sekurang-kurangnya selama 7 tahun mengikut kehendak undang-undang Malaysia.
 - (iv) Prosiding Perundangan: Sekiranya data peribadi anda terlibat dengan sesuatu kes atau siasatan perundangan yang masih berlangsung, data tersebut akan disimpan sepanjang tempoh prosiding tersebut dan bagi apa-apa tempoh had masa yang berkenaan selepas itu.
- 7.3. Setelah tempoh penyimpanan tamat, data peribadi anda akan dilupuskan dengan selamat atau dianonimkan.

SEKSYEN 8

HAK-HAK DATA SUBJEK

- 8.1. Tertakluk kepada peruntukan Seksyen 8.2 di bawah, anda sebagai Subjek Data di bawah PDPA, mempunyai hak untuk:
- (i) Akses: Memohon akses kepada salinan data peribadi yang kami miliki tentang anda.
 - (ii) Pembetulan: Memohon pembetulan terhadap data peribadi yang tidak tepat atau tidak lengkap.
 - (iii) Penarikan Kebenaran: Menarik balik kebenaran anda untuk pemprosesan data peribadi bagi tujuan tertentu, termasuk pemasaran langsung.
 - (iv) Pengehadahan: Memohon agar kami mengehadkan pemprosesan data peribadi anda dalam keadaan tertentu.
 - (v) Portabiliti Data: Memohon agar data peribadi anda disediakan dalam format yang tersusun, biasa digunakan, dan boleh dibaca oleh mesin, atau dipindahkan terus kepada pengguna data lain, jika secara teknikalnya boleh dilaksanakan. Kami berhak menolak permohonan anda berdasarkan peruntukan undang-undang.
- 8.2 Pelaksanaan hak-hak anda bukanlah mutlak dan tertakluk kepada perkara-perkara berikut:

- (i) Pengesahan: Kami perlu mengesahkan identiti anda sebelum memproses sebarang permohonan.
- (ii) Tempoh Maklum Balas: Kami akan berusaha memberikan maklum balas terhadap permohonan anda dalam tempoh 21 hari selepas menerima permohonan yang lengkap serta bayaran fi yang berkaitan, jika ada.
- (iii) Pengehadahan yang dibenarkan: Kami berhak untuk menolak permohonan atau mengenakan bayaran yang ditetapkan untuk permohonan akses data, seperti yang dibenarkan di bawah PDPA (contohnya, jika permohonan tersebut jelas tidak berasas, berlebihan, atau berulang). Sekiranya permohonan ditolak, kami akan memberitahu anda sebab-sebabnya.
- (iv) Kesan Penarikan Kebenaran: Sekiranya anda memilih untuk menarik balik kebenaran bagi pemprosesan data peribadi wajib (iaitu data yang diperlukan untuk menawarkan produk atau perkhidmatan kepada anda atau untuk memenuhi kontrak), kami mungkin tidak dapat meneruskan penawaran produk atau perkhidmatan tersebut. Kami akan memaklumkan kepada anda mengenai kesan penarikan tersebut.
- (v) Komunikasi Pemasaran dan Penarikan Balik: Anda boleh menarik balik kebenaran penerimaan komunikasi pemasaran pada bila-bila masa dengan menggunakan pautan "unsubscribe" dalam e-mel kami atau dengan menghubungi kami. Proses penarikan balik mungkin mengambil masa sehingga 21 hari untuk diselesaikan sepenuhnya, di mana anda mungkin masih menerima komunikasi pemasaran. Harap maklum bahawa penarikan balik kebenaran terhadap komunikasi pemasaran tidak akan menghentikan komunikasi yang berkaitan dengan perkhidmatan langganan.
- (vi) Pautan Pihak Ketiga: Laman web kami mungkin mengandungi pautan ke laman pihak ketiga. Notis ini tidak terpakai kepada laman tersebut, dan anda perlu menghubungi mereka secara langsung untuk menguruskan data anda.
- (vii) Fi Pemprosesan: Selaras dengan PDPA, fi yang munasabah boleh dikenakan bagi pemprosesan permohonan data subjek. Kami akan memaklumkan anda sekiranya terdapat fi sebelum meneruskan permohonan anda.
- (viii) Penyampaian Hak Anda: Untuk melaksanakan hak anda atau mengemukakan sebarang pertanyaan mengenai data peribadi anda, sila hubungi pegawai yang dinyatakan dalam Seksyen 11 Notis ini.
- (ix) Penolakan Permohonan: Kami berhak menolak permohonan anda selaras dengan peruntukan undang-undang tanpa mengira apa-apa yang dinyatakan atau tersirat dalam Notis ini.

SEKSYEN 9 PENGAKUAN DAN TANGGUNGJAWAB

- 9.1. Persetujuan dan Tanggungjawab Anda – Dengan mengemukakan data peribadi kepada kami, berkomunikasi dengan kami, atau meneruskan penggunaan produk atau perkhidmatan kami, anda mengaku dan mengesahkan bahawa anda:
- (i) Membenarkan Pemprosesan: Telah membaca, memahami, dan memberikan kebenaran anda untuk pengumpulan, penggunaan, penzahiran, dan pemprosesan data peribadi anda seperti yang dinyatakan dalam Notis ini.
 - (ii) Tanggungjawab untuk Ketepatan: Memahami bahawa anda bertanggungjawab untuk mengemukakan maklumat yang tepat dan lengkap serta bersetuju untuk memaklumkan kepada kami dengan segera sebarang perubahan pada data peribadi anda bagi memastikan data tersebut sentiasa terkini dan tepat.
- 9.2. Data Peribadi Pihak Ketiga – Jika anda memberikan kami data peribadi mana-mana pihak ketiga (contohnya, ahli keluarga, pekerja, atau lain-lain), anda memberi jaminan dan berakujanji kepada kami bahawa anda:
- (i) Telah Mendapatkan Kebenaran Sah: Telah memaklumkan kepada pihak ketiga mengenai tujuan penzahiran dan telah mendapatkan kebenaran mereka secara jelas untuk kami mengumpul, menggunakan, dan memproses data peribadi mereka selaras dengan Notis ini.
 - (ii) Telah Mengesahkan Ketepatan: Telah mengambil langkah wajar untuk memastikan data peribadi pihak ketiga yang anda berikan kepada kami adalah tepat, lengkap, dan terkini.
 - (iii) Pemakluman Perubahan: Akan segera memberitahu kami sekiranya terdapat sebarang perubahan pada data pihak ketiga bagi memastikan maklumat yang kami simpan sentiasa terkini.

SEKSYEN 10 PINDAAN

- 10.1 Kami berkemungkinan akan meminda dan mengemaskini Notis ini dari semasa ke semasa untuk mengambil kira perubahan dalam amalan, keperluan undang-undang, atau perkhidmatan kami. Sebarang perubahan akan dimaklumkan melalui laman web rasmi kami.
- 10.2 Versi terkini Notis ini akan sentiasa tersedia di laman web kami, dengan tarikh kuat kuasa yang dinyatakan dengan jelas. Penggunaan berterusan anda terhadap perkhidmatan kami selepas



pindaan tersebut dianggap sebagai pengakuan dan penerimaan anda terhadap Notis yang telah dikemaskini.

- 10.3. Notis ini diterbitkan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan atau percanggahan, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

SEKSYEN 11 HUBUNGI KAMI

- 11.1. Kami amat menitikberatkan privasi anda. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, komen, atau permintaan berkaitan dengan Notis Perlindungan Data Peribadi ini atau pemprosesan maklumat peribadi anda, sila hubungi Pegawai Perlindungan Data kami tanpa ragu di:

- Emel: dpo@apm.com.my
- Alamat: APM Automotive Holdings Berhad
Nombor Syarikat: 199701009342 (424838-D)
Lot 600, Pandamaran Industrial Estate, Locked Bag 218, 42009 Port Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
- Tel: +603-31618888 (Sambungan. 8933 Bahagian Perundangan Kumpulan)

Notis ini dikemas kini pada kali terakhir pada 14 Oktober 2025

Lampiran 1 – Kumpulan APM

APM Automotive Holdings Berhad (199701009342) syarikat-syarikat berkaitan, anak syarikat, serta syarikat sekutu yang disenaraikan di bawah;

1. Able Motor Sdn Bhd (199201019027)
2. APM Aluminium Castings Sdn Bhd (201101020286)
3. APM Auto Electrics Sdn Bhd (198101010309)
4. APM Auto Mechanisms Sdn Bhd (198201013099)
5. APM Auto Parts Marketing (Malaysia) Sdn Bhd (201201007630)
6. APM Auto Parts Marketing Sdn Bhd (198601003338)
7. APM Auto Safety Systems Sdn Bhd (198201013175)
8. APM Automotive Modules Sdn Bhd (201101020296)
9. APM Automotive Systems Sdn Bhd (201101041501)
10. APM Chalmers Suspensions Sdn Bhd (199701006111)
11. APM Climate Control Sdn Bhd (198201000419)
12. APM Coil Springs Sdn Bhd (198001009494)
13. APM Corporate Services Sdn Bhd (200901037128)
14. APM Delta Seating Systems Sdn Bhd (201701000364)
15. APM Engineering & Research Sdn Bhd (201001025282)
16. APM Interiors Sdn Bhd (198201001295)
17. APM Automotive Seats Sdn Bhd (198201011219)
18. APM Plastics Sdn Bhd (199001016855)
19. APM Seatings Sdn Bhd (199601009180)
20. APM Shock Absorbers Sdn Bhd (198001006268)
21. APM Springs Sdn Bhd (198401000734)
22. APM TACHI-S Seating Systems Sdn Bhd (201301005212)
23. APM Tooling Centre Sdn Bhd (199101013425)
24. APM-Coachair Sdn Bhd (198101007251)
25. APM EV Solutions Sdn Bhd (198401003320)
26. Auto Parts Holdings Sdn Bhd (198501010865)
27. Auto Parts Manufacturers Co. Sdn Bhd (197101001197)
28. Fuji Seats (Malaysia) Sdn Bhd (200201007504)
29. KAB Otomotif Sdn Bhd (198101003175)
30. Omnimatics Sdn Bhd (201501021115)
31. Pandamaran Special Steel Sdn Bhd (198301009593)
32. Perusahaan Tilam Kereta Sdn Bhd (198101003173)
33. Frontedge Auto Parts Malaysia Sdn. Bhd. (202501010683)
34. APM Automotive International Ltd. (LL04501)
35. APM Automotive Indonesia Ltd. (LL10821)
36. APM Automotive Global Ltd. (LL10819)
37. APM Automotive IndoChina Ltd. (LL09242)
38. APM Automotive Thailand Ltd. (LL09249)
39. APM Automotive Myanmar Ltd. (LL09252)

LUAR NEGARA

- 40. APM Auto Components (Thailand) Ltd
- 41. APM Auto Components Myanmar Company Limited
- 42. APM Springs (Vietnam) Co. Ltd
- 43. APM Marketing (Vietnam) Company Limited
- 44. APM Auto Components (Vietnam) Co. Ltd
- 45. P.T. APM Automotive Indonesia
- 46. P.T. APM Armada Suspension
- 47. P.T. APM Auto Components Indonesia
- 48. P.T. APM Leaf Springs Indonesia
- 49. P.T. APM Shock Absorbers Indonesia
- 50. McConnell Seats Australia Pty. Ltd
- 51. APM Auto Components (USA) Inc.
- 52. APM Auto Components Europe B.V.
- 53. APM Automotive International (UK) Ltd